

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (47)

Tarikh: 15 Julai 2014

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **MBPJ BERI SUMBANGAN KEPADA YANG MEMERLUKAN**

Prihatin dengan nasib golongan yang kurang bernasib baik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sekali lagi mengambil inisiatif dengan memberikan sumbangan kepada golongan kurang bernasib baik di kawasan sekitar Petaling Jaya.

MBPJ tidak sahaja berperanan mengutip cukai dan menjalankan tanggungjawab kepada pembayar cukai, malah turut menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat di Petaling Jaya.

Pada tahun ini, sumbangan yang disampaikan berupa wang tunai RM 100 dan beg sekolah akan diserahkan kepada 150 anak-anak yatim dari kawasan Kota Damansara, SS3, Seksyen 3 dan juga anak-anak kakitangan MBPJ sendiri. Tidak ketinggalan pada tahun ini juga, Puspanita MBPJ turut sama memberikan sumbangan kepada mereka.

Majlis pada petang ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan bantuan dan sumbangan kepada golongan yang kurang bernasib baik iaitu dari kalangan anak-anak yatim di kawasan Petaling Jaya. Diharap dengan bantuan dan sumbangan ini dapat menyerikan lagi Syawal yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Ia merupakan inisiatif MBPJ bagi bersama-sama meraikan anak-anak yatim dan memberikan keinsafan kepada kita agar sentiasa mengingati golongan yang kurang berkemampuan disamping mengeratkan hubungan antara Majlis dan masyarakat setempat.

Program anjuran Badan Islam MBPJ dan MBPJ sendiri ini turut mendapat kerjasama Ahli Jawatankuasa Masjid Al-Hidayah, Jalan SS3/44, Petaling Jaya dan penduduk setempat.

Selain memberikan sumbangan, MBPJ turut mengadakan majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim terlibat dan solat terawikh bersama penduduk setempat.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-2046035, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**